

## Utusan Kota

Selasa 06/04/10

### MPK anjur Karnival Klang 2010

SHAH ALAM 5 April – Majlis Perbandaran Klang (MPK) dengan kerjasama Central Spectrum Sdn. Bhd. akan menganjurkan Karnival Klang 2010 di Laguna Park, Pulau Indah, Pelabuhan Barat dekat sini pada 10 dan 11 April ini.

Karnival yang berlangsung selama dua hari bermula pukul 8.30 pagi hingga 6.30 petang.

Menurut Pengarah Komunikasi dan Pengaduan Awam MPK, Norfiza Mahfiz, pelbagai acara yang pastinya menggamit perhatian ramai seperti pameran dan jualan serta pertandingan sukan akan diadakan.

Beliau berkata, acara sukan dan rekreasi yang akan dipertandingkan ialah sepak takraw terbuka, bola jaring, futsal, tarik tali dan jetski.

“Turut diadakan ialah pertandingan kugiran, shuffle, autoshow, masakan dan gubahan, karaoke dan pertandingan wau serta layang-layang.

“Pengunjung yang bernasib baik juga akan memenangi hadiah menarik melalui cabutan bertuah,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah Norfiza, sebarang pertanyaan mengenai acara karnival dan pertandingan yang akan dijalankan boleh menghubungi MPK di talian 03-3371 6044.